

TAK
JADI
HURU
HARA

30 SEP 1982

NEW YORK 29 Sept.

DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kebangkitan semula Islam di Malaysia tidak akan menimbulkan huru-hara dalam negeri.

Jaminan ini diberi oleh Perdana Menteri semalam semasa soal-jawab di majlis makan tengah hari meraikannya anjuran Persatuan Asia dan Majlis Bagi Hubungan Luar-dua badan penting pembuat dasar Amerika Syarikat di sini tengah hari ini.

Beliau memberitahu ahli-ahli kedua-dua bahagian itu yang terdiri dari tokoh-tokoh diplomat, pentadbir, ahli-ahli perusahaan terkemuka dan para penyelidik bahawa perhatian terhadap Islam perlu bagi mengimbangi nilai rohani dengan pembangunan material.

Bercakap kepada para pemberita Malaysia di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, beliau menjelaskan kepada tokoh-tokoh Amerika itu bahawa nilai rohani penting bagi membela rakyat dari hilang pegangan hidup.

Beliau juga memberi jaminan bahawa kebangkitan semula Islam tidak akan menimbulkan pergeseran antara keturunan Melayu dan keturunan Cina.

Tokoh-tokoh Amerika menimbulkan kemungkinan akan tercetus pergeseran tersebut memandangkan orang Melayu menumpu perhatian pada Islam dan orang Cina kepada Negeri China.

"Saya beritahu mereka perkara-perkara itu tidak timbul kerana ada di antara rakyat Malaysia keturunan Cina yang beragama Islam, katanya.

Mengenai konsep pandang ke timur Dr. Mahathir menjelaskan bahawa ia bertujuan mengseimbangkan pengaruh dunia ke atas Malaysia kerana negara ini tidak mahu tumpuan semata-mata kepada barat.

"Sebagai contoh, saya memberitahu mereka bahawa kita mempunyai lebih 59,000 orang penuntut yang melanjutkan pelajaran di barat berbanding cuma 200 orang di Jepun dan tidak seorangpun di Korea Selatan.

Hasil penjelasan itu, mereka memberitahu saya bahawa sekarang sudah lebih jelas kedudukan sebenar tentang dasar kerajaan Malaysia," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Berhubung pertemuannya dengan Setiausaha

Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Perdana Menteri memberitahu, pemimpin badan dunia itu telah menimbulkan tentang kebimbangan mengenai apa yang disifatkannya sebagai perbezaan pendapat di kalangan anggota ASEAN berkaitan isu Kampuchea.

"Saya menjelaskan kepadanya pada zahir mungkin nampak macam ada perbezaan tetapi pada asasnya semua negara ASEAN mempunyai pendekatan yang sama berhubung isu itu," katanya.

Mengenai permintaan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya Malaysia menyertai Pasukan Pengawas Badan Dunia itu di Namibia, Perdana Menteri berkata, kedua pihak yang terlibat dengan sengketa tersebut iaitu Afrika Selatan dan SWATO bersetuju mencrima tentera Malaysia sebagai sebahagian pasukan pengawas tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Bangsa-Bangsa Bersatu meminta Malaysia menghantar 700 orang askar dan segala perbelanjaan ditanggung oleh badan dunia itu.

"Permintaan penyertaan kita di dalam pasukan itu akan menjadi satu pengalaman yang sungguh berfaedah pada tentera kita," ujarnya.

pilihanraya kecil kawasan Kepayang.

Beliau menambah, biasanya dalam soal pembahagian kerusi begini, Barisan Nasional mengamalkan tradisi dan "status qob" iaitu memberikan kepada Partu Progresif Rakyat (PPP) mengikut pembahagian pilihanraya umum 22 April lalu.

"Kalau hendak dibuat sebarang perubahan tanpa ikut tradisi atau 'status qob, perlulah bertimbangkan kepada parti yang lebih besar peluangnya untuk memenangi kawasan tersebut", tambahnya lagi.

Datuk Dr. Lim juga menegaskan, jika keputusan tanpa status

qob maka parti gerakan adalah lebih patut untuk dipilih meletakkan calonnya di Kepayang kerana parti tersebut mempunyai pengaruh kuat di situ.

Bagaimanapun beliau berkata, dari masalah yang timbul, beliau akan berbincang dengan para pegawai parti Gerakan di bahagian Ipoh secepat mungkin.

Pilihanraya kecil kawasan Kepayang itu diadakan berikutan keputusan Ahli Dewan kawasan berkenaan, Encik Lim Cho Hock dari DAP meletakkan jawatan 1 September lalu.

Berikutan dengan kekosongan yang berlaku, pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan tarikh penamaan calon esok di bilik mesyuarat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Jalan Panglima Bukit Gantang di sini.

Sekiranya ada pertandingan, hari pembuangan undi ialah 16 Oktober dengan jumlah pengundi 38,418.